

575:  
ITM-MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 8 JAN. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MEMERINTAHKAN PELAJAR-PELAJAR INSTITIUT TEKNOLOGI MARA MENINGGALKAN KAMPUS DI SHAH ALAM MENJELANG ESOK JIKA TIDAK POLIS AKAN BERTINDAK.

BELIAU MEMBERI AMARAN DALAM TEMURAMAH DENGAN RTM DAN BERNAMA BERIKUTAN DENGAN TINDAKAN PARA PELAJAR MENGAMBILALIH KAMPUS ITU SEJAK HARI SELASA.

KATANYA, SETAKAT YANG BOLEH KERAJAAN MAHU MENGELAKKAN TINDAKAN KERAS DAN LEBIHSUKA PARA PELAJAR ITU MENINGGALKAN KAMPUS SECARA SUKARELA.

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU Amat KESAL DENGAN PERBUATAN PARA PEMIMPIN MENGHALANG PELAJAR-PELAJAR LAIN DARI MENINGGALKAN KAMPUS.

MENTERI PELAJARAN BERKATA SEKIRANYA PARA PEMIMPIN PELAJAR ITU JUJUR MEREKA HENDAKLAH MEMBENARKAN MEREKA YANG HENDAK MENINGGALKAN KAMPUS BERBUAT DEMIKIAN. -- BERSAMBUNG 1630/SZ

577:  
ITM-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA ADA BUKTI-BUKTI BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN PELAJAR TELAH MENGGUNAKAN KEKERASAN DAN UGUTAN KEATAS PARA PELAJAR LAIN.

CONTOHNYA, KATA BELIAU LIMA ORANG PELAJAR WANITA MELAPURKAN BAHAWA MEREKA TELAH DIUGUT AKAN DIBOGELKAN SEKIRANYA MEREKA ENGGAN MENGIKUT PERINTAH PEMIMPIN-PEMIMPIN ITU.

BELIAU BERKATA KERAJAAN KENAL AKAN MEREKA YANG TERLIBAT DALAM KEADAAN SEKARANG.

KATANYA, KIRA-KIRA 200 PELAJAR YANG MEMANGGIL DIRI MEREKA +GESTAPO ATAU BUDAK-BUDAK MUZIK+ BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEADAAN ITU.

+BILANGAN TERBESAR PARA PELAJAR ADALAH TIDAK BERSALAH DAN MEREKA BENAR-BENAR HENDAK BELAJAR,+ KATA DR. MAHATHIR. .  
-- BERSAMBUNG 1635/SZ

578:  
ITM-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA ADA KIRA-KIRA 4,000 PELAJAR DI KAMPUS ITU YANG HENDAK MENINGGALKAN KAMPUS TETAPI DIHALANG OLEH PARA PEMIMPIN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN SANGAT MENGAMBIL BERAT AKAN KEBAJIKAN PARA PELAJAR DI KAMPUS ITU.

KATANYA, PIHAK PENTADBIRAN ITM TELAH MEMBUAT SEGALA PERATURAN YANG PERLU UNTUK MEMASTIKAN PARA PELAJAR ITU DIHANTAR BALIK KE RUMAH MASING-MASING.

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KEPADA IBUBAPA BAHAWA SEGALA YANG MUNGKIN SEDANG DIBUAT OLEH PIHAK PENTADBIRAN UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN PELAJAR.

BELIAU JUGA MENYATAKAN KEYAKINAN PENUH KEPADA PENGARAH ITM, DATO LOKMAN MUSA DAN CARANYA MENGENDALIKAN KEADAAN.  
-- BERSAMBUNG 1642/SZ

12

579:

ITM-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA ITM MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$100,000 UNTUK MENGHANTAR BALIK PARA PELAJAR KE RUMAH MEREKA.

KATANYA, ITM AKAN MEMBERI WANG BELANJA KEPADA MEREKA YANG BENAR-BENAR MEMERLUKANNYA.

MENGULAS TAWARAN BIRO PELAJARAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA UNTUK MENJADI ORANGTENGGAH DALAM PERTIKAIAN ITU, DR. MAHATHIR BERKATA KEADAAN SUDAH LEPAS DARI PERINGKAT PERUNDINGAN.

+SEBELUM PIHAK BERKUASA MENUTUP KAMPUS PARA PELAJAR SENDIRI TELAH MENUTUPNYA DAN ENGGAN BERUNDING, + KATA BELIAU.

DR. MAHATHIR YAKIN ITM AKAN DAPAT DIBUKA SEMULA +SEBAIK SAJA PARA PEMIMPIN ITU DIASINGKAN DARI PARA PELAJAR LAIN+. -- BERSAMBUNG 1647/SZ

592:

ITM-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$100,000 SEHARI MENGENDALIKAN ITM.

KATANYA, ITM MENGAMBIL KIRA-KIRA 3,500 PELAJAR BARU TIAP TAHUN DAN KERAJAAN INGIN MELIHAT SERAMAI ITU JUGA LULUSTIAP TAHUN.

+TETAPI DISEBABKAN KADAR KEGALAN TINGGI, ITM TIDAK DAPAT MENGELUARKAN BILANGAN SISWAZAH YANG DIKEHENDAKI, + KATA BELIAU.

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEDANG MENIMBANGKAN UNTUK MENDAFAR SEMULA SEMUA PELAJAR ITM UNTUK MENGASINGKAN MEREKA YANG TIDAK BERMINAT UNTUK BELAJAR.

MENGENAI PERATURAN-PERATURAN DISIPLIN SEKARANG, BELIAU BERKATA PERKARA ITU BUKANLAH BARU KERANA IA TELAH DIKUATKUASAKAN SEJAK 1972. -- BERSAMBUNG 1705/1B

603:

ITM-MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

DI SEREMBAN, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN, DATUK MANSOR OTHMAN SELAKU PEMANGKU Pengerusi Majlis Pentadbir ITM berkata para pelajar itu tidak mempunyai sebab untuk melakukan tindakan liar kerana apa yang diperkatakan hanyalah soal +rambut+ dan bukannya tentang kezaliman, kekurangan makanan atau pun kekurangan perbelanjaan.

Katanya, perbuatan para pemimpin pelajar membesar-besarkan fasal rambut hingga mengambilalih kuasa ITM adalah satu perkara yang sangat memalukan terutama masyarakat Melayu sendiri.

Beliau memberitahu para pemberita bahawa tindakan para pelajar itu menunjukkan kepimpinan KSITM tidak matang kerana mereka tidak sanggup menegakkan kebenaran.

Datuk Mansor berkata masalah peraturan disiplin itu adalah perkara kecil dan sepatutnya boleh diselesaikan secara rundingan terus di antara pelajar dan pihak pentadbiran dan bukannya dengan cara pelajar +merayau-rayau+ keluar mencari sokongan terhadap tindakan mereka itu.

Cara begini, kata Datuk Mansor menunjukkan bahawa pelajar-pelajar masih belum boleh menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi dan tindakan demikian menunjukkan mereka mengeneipkan masalah yang dipersoalkan. -- BERSAMBUNG 1732/1B

608:

ITM-MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

Beliau menegaskan bahawa masalah yang dihadapi hanyalah perkara pelaksanaan dan bukannya masalah dasar yang baru.

Oleh itu katanya, Majlis Pentadbir telah menyerahkan perkara menyelesaikannya kepada Pengarah ITM, Dato Lokman Musa yang diberi kepercayaan sepenuhnya.

Datuk Mansor menekankan bahawa masalah pelajar tidak mengakui Dato Lokman tidak timbul kerana beliau dilantik oleh Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed. -- BERNAMA 1743/1B

621:

ITM-MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN KEPADA 608)

Yang Dipertua KSITM, Encik Abdullah Baba memberitahu sidang akhbar di kampus ITM Shah Alam petang ini bahawa empat orang wakil KSITM telah pergi ke Seremban hari ini untuk menemui Datuk Mansor.

Beliau mendakwa terdapat seramai 5,000 pelajar di dalam kampus sekarang dan menyatakan keselamatan mereka adalah terjamin. -- BERNAMA 1910/1B